

Hasil hubungan erat pekerja-majikan – PM

# KETENANGAN NEGARA BANTU TARIK PELABUR

BER. 27 SEP 1987

**K**UALA LUMPUR 26 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, ketenangan dalam negara hasil hubungan erat antara pekerja dan majikan akan membantu menarik para pelabur asing melabur bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada para penganggur.

Katanya, tanpa ketenangan dalam sesebuah negara, para pelabur tidak akan melabur dan tanpa peluang pekerjaan kesatuan - kesatuan sekerja tidak

akan menjadi besar dan perjuangan kesatuan juga tidak berkesan.

Beliau berkata, setakat ini Malaysia boleh berbangga kerana gerakan kesatuan sekerja di negara ini bergerak secara sederhana dan tidak ekstrim tetapi tidak kurang dedikasi kepimpinan kesatuan tersebut dalam membela nasib pekerja.

"Pemimpin - pemimpin kesatuan sanggup bersabar dan lebih mengutamakan rundingan dari bertindak cara ganas seperti yang ber-

laku di luar negeri dan tidak ada demonstrasi keras di negara ini," katanya.

Beliau berkata, walaupun rundingan itu kadang - kadang tidak mencapai matlamat tetapi mereka boleh bersabar dan kerajaan amat berterima kasih kerana kesabaran mereka tidak menjejaskan iklim ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap di majlis menghormati jasa mendiang Valentine Em-

manuel Jesudoss di apartmen CUEPACS di sini petang ini. Mendiang merupakan pengasas kesatuan tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya berkata, negara - negara membangun memerlukan hubungan erat antara majikan dan pekerja bagi mencapai ketenangan yang akan membawa pembangunan lebih baik lagi.

"Di negara - negara membangun yang tenang, rakyatnya mencapai taraf hidup yang tinggi hasil ke-

kayaan negara.

Kerjasama pekerja dan majikan yang membawa pembangunan cepat dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi negara dengan baik," tegasnya.

Kehidupan pekerja lebih baik jika mereka berjaya membangunkan negara.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap, kerjasama erat antara kerajaan dan pekerja akan diteruskan dan mencontohi sikap yang ditunjukkan oleh mendiang Jesudoss yang berjaya menyatupadukan kesatuan - kesatuan sekerja dalam satu kongres seperti CUEPACS.

Menurut beliau, sumbangan bekas pemimpin kesatuan itu telah membawa banyak faedah kepada masyarakat pekerja dan kerajaan juga terhutang budi kepada mendiang yang telah banyak berjasa semasa hayatnya.

Beliau berharap, kepimpinan yang ditunjukkan oleh mendiang menjadi contoh kepada bukan saja ahli - ahli atau pemimpin kesatuan tetapi juga ahli - ahli politik bagi mewujudkan negara yang aman serta membangun dengan pesat.

Sebelum itu, Perdana Menteri telah merasmikan dewan di apartmen itu yang dinamakan dengan Dewan Jesudoss.